

# LINUS rangsang penguasaan murid

BH  
5/9/2015  
mls 7

» Pastikan murid kuasai literasi, numerasi antara agenda dalam PPPM 2013-2025

Oleh Nurul Fhatihah Zakinan  
fhatihah@bh.com.my

Jasin

Program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) yang diperkenalkan kerajaan pada peringkat tahap satu sekolah rendah, Tahun Satu hingga Tiga di seluruh negara sejak tahun 2010 jelas mampu meningkatkan tahap penguasaan murid.

Kedua-dua saringan literasi dan numerasi yang mengandungi 12 konstruk (K1-K12) ini antara 17 inisiatif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menekankan semua aspek berkenaan bertepatan untuk membantu murid tahap satu di sekolah rendah.

Sejak diperkenalkan, LINUS berjaya membantu ramai murid menguasai kemahiran 3M, iaitu membaca, mengira dan menulis, selain merapatkan jurang pen-



Abu Bakar (dua dari kiri) dan Kamaruzaman diiringi Setiausaha LINUS 2015 Literasi BM T1 SK Chenderah, Patimahtun Zaharah Abd Jalil (kiri) serta Guru Penolong Kanan 1 merangkap Naib Pengerusi LINUS 2015, Zuraidah Ahmad melawat teratak LINUS untuk kegunaan murid pada program Saringan Literasi dan Numerasi di Sekolah Kebangsaan Chenderah, Jasin.

capaian pendidikan antara murid di bandar dan luar bandar.

Pegawai Pendidikan Daerah Jasin, Abu Bakar Alim, berkata program pemulihan itu bermatlamat membantu murid yang tidak mempunyai kemahiran literasi dan numerasi untuk menguasai kemahiran 3M.

Beliau berkata, berdasarkan analisis, seramai 1,889 atau 95.45 peratus murid Tahun Tiga, 1,807 (86.38 peratus) Tahun Dua dan 1,343 (64.02 peratus) Tahun Satu di daerah itu menguasai semua 12 konstruk literasi Bahasa Melayu (BM) bagi saringan pertama tahun ini.

Katanya, hanya seorang atau 0.05 peratus murid Tahun Tiga; 40 murid Tahun Dua (1.91 peratus) dan 191 murid Tahun Satu (9.10 peratus) di daerah berkenaan Tidak Menguasai (TM) K1-K2 literasi BM dalam tempoh sama.

“Daripada jumlah 1,977 murid Tahun Tiga di daerah ini, hanya seorang daripadanya tidak dapat menguasai semua aspek konstruk literasi BM sepenuhnya, manakala 1,889 murid menunjukkan peningkatan dan lebih baik serta 87 murid lagi pada TM K3-K12, tahun ini.

### **Berdepan masalah**

“Bagi murid Tahun Satu pula, mungkin mereka berdepan masalah menguasai semua kemahiran di peringkat awal, tetapi impak LINUS ini cukup berkesan apabila mereka semakin menun-

jukan minat untuk belajar dan mahir menguasai apabila memasuki peringkat lebih tinggi selepas menyertai program ini,” katanya ketika ditemui selepas melawat Sekolah Kebangsaan (SK) Chenderah di sini.

Yang turut hadir, Pengurus Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) Kementerian Pendidikan, Md Yaisa Effendy Yahya dan Guru Besar SK Chenderah, Kamaruzaman Tawi.

Abu Bakar berkata, terdapat sembilan fasilitator LINUS (Fasilinus) yang bertanggungjawab memantau perkembangan murid tahap satu di semua 67 sekolah rendah di daerah terbabit, selain memberi bimbingan kepada guru dan ibu bapa yang mempunyai anak lemah pembelajaran, sebaik memasuki Tahun Empat.

“Program ini menuntut kita membuat saringan terlebih dulu dan apabila mendapati seseorang murid itu terlalu bermasalah dalam pembelajaran, kita syorkan kepada ibu bapanya untuk merujuk doktor bagi mendapatkan pengesahan sama ada murid itu bermasalah atau tidak,” katanya.

Sementara itu, Kamaruzaman berkata, pihak sekolah komited dalam melaksanakan program LINUS dengan turut menyediakan pelbagai bahan dan aktiviti antaranya “Jom Baca Kawan, Mentor-Mentee, Tautan Kasih, kelas membaca ketika cuti sekolah ser-

ta Sudut dan Permata LINUS”.

“Tugas ini sangat mencabar, namun pihak sekolah perlu memastikan semua 38 murid di tahap satu ini benar-benar dapat menguasai kemahiran 100 peratus.

“Oleh itu, kami bukan saja memantau pembelajaran murid, tetapi tahap peratusan pencapaian sekolah juga kerana itu adalah antara penanda aras kami melihat perkembangan tahap penguasaan pelajaran mereka,” katanya.

“  
**Bagi murid Tahun Satu pula, mungkin mereka berdepan masalah menguasai semua kemahiran di peringkat awal, tetapi impak LINUS ini cukup berkesan apabila mereka minat untuk belajar dan mahir menguasai apabila memasuki peringkat lebih tinggi selepas menyertai program ini,”**

**Abu Bakar Alim,**  
Pegawai Pendidikan Daerah Jasin

Beliau berkata, sekolah memainkan peranan penting untuk memastikan keberkesanan program itu dengan mengambil pelbagai pendekatan bagi menarik minat murid mengikuti program berkenaan melalui kaedah yang menyeronokkan.

### **Keperluan murid berbeza**

“Keperluan murid adalah berbeza dan terdapat beberapa faktor yang menyebabkan murid menghadapi masalah literasi dan numerasi, antaranya ialah latar be-

“  
**Kami bukan saja memantau pembelajaran murid, tetapi tahap peratusan pencapaian sekolah juga kerana itu adalah antara penanda aras kami melihat perkembangan tahap penguasaan pelajaran mereka”**

**Kamaruzaman Tawi,**  
Guru Besar SK Chenderah

lakang keluarga, kedatangan ke sekolah tidak memuaskan dan masalah pembelajaran.

“Oleh itu, guru perlu bijak menarik minat murid dengan menyediakan alat bantuan mengandungi abjad, nombor, suku kata dan sebagainya secara kreatif mengikut keperluan murid secara individu selari dengan minat dan kecenderungan mereka,” katanya.

Katanya, kaedah itu amat berkesan kerana menimbulkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan murid tidak mudah jemu ketika belajar.

LINUS diperkenalkan dengan sasaran memastikan semua murid kecuali yang bermasalah pembelajaran dan pendidikan khas, boleh menguasai literasi dan numerasi sebaik memasuki Tahun Empat.

Menerusi program LINUS, murid digalakkan mencapai standard literasi dan numerasi pada tiga tahun pertama sekolah rendah bagi mengupayakan mereka mengikuti kurikulum persekolahan pada tahun berikutnya, tidak hilang minat atau terciricir dalam pelajaran pada peringkat seterusnya.

Sejak ia diperkenalkan, Kementerian Pendidikan berjaya mewujudkan pangkalan data lengkap mengenai profil literasi dan numerasi murid mengikut kelas, sekolah, daerah dan negeri di seluruh negara.